

Perbincangan tanpa Keadilan

BH 10 JAN 2001

Oleh Ahmad Zaili Kamaruzzaman, Kadir Dikoh, Hassan Omar dan Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa – Umno dan Pas akan meneruskan perbincangan mengenai perpaduan Melayu walaupun Parti Keadilan Nasional (Keadilan), yang turut dipelawa menyertai pertemuan itu, menolaknya.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Umno tidak menghadapi masalah untuk mengadakan perbincangan dengan Pas saja mengenai soal perpaduan orang Melayu.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, juga menegaskan Pas tetap dengan keputusan untuk bersemuka dengan pemimpin Umno bagi membincangkan bukan saja soal penyatuan semula orang Melayu, malah penyatuan semua kaum di negara ini.

Ditanya pemberita se-tibanya di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, dari lawatan seminggu ke Myanmar hari ini, Dr Mahathir berkata, Umno tidak mempunyai masalah bertemu Pas saja kerana parti itu tidak mempunyai niat lain daripada mencari kata sepakat mengenai perpaduan Melayu.

“Kalau Keadilan tidak bersetuju, Pas bersetuju, kita jumpa dengan Pas. Tiada masalah. Kita bukan ada niat lain, cuma nak cari kata sepakat. Itu saja. Kita tak nak orang Melayu berpecah belah. Tak baik,” katanya.

Mesyuarat Majlis Pemimpin Tertinggi Keadilan malam tadi menolak pelawaan Umno supaya diadakan perbincangan yang membabitkan ketiga-tiga parti berkenaan mengenai perpaduan Melayu.

Keadilan menolak pelawaan itu dengan alasan perbincangan berkenaan tidak perlu kerana apa yang berlaku sekarang ialah peralihan sokongan orang Melayu daripada Umno, kepada parti pembangkang.

Ditanya sama ada pertemuan hanya membabitkan pemimpin tertinggi saja atau berbentuk delegasi, Dr Mahathir berkata:

“Kita dah kata kita nak jumpa. Kadang-kala ia akan turut membabitkan pemimpin lain parti berkenaan,” katanya.

Mengenai cadangan Pas supaya skop perbincangan itu perlu diperluaskan, Perdana Menteri berkata: “Kita nak bercakap pasal per-

paduan Melayu. Kita tak ada apa-apa syarat.”

Fadzil, ketika dihubungi pagi ini, berkata pihaknya tetap dengan keputusan mahu bersemuka dengan pemimpin Umno kerana bagi Pas, perbincangan itu penting bukan saja untuk perpaduan Melayu malah perpaduan negara keseluruhannya.

“Terpulang kepada Keadilan buat keputusan itu. Namun, kita tetap berpegang dengan keputusan untuk bersemuka dengan pemimpin Umno tetapi hendaklah disertai oleh delegasi masing-masing,” katanya.

Ketika dihubungi semula petang ini, Fadzil berkata pendirian Pas

itu berdasarkan kenyataan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini bahawa Umno bersedia memperluaskan skop perbincangan.

Selepas Keadilan menolak pe-

lawan Umno lewat malam tadi, satu mesyuarat gabungan pembangkang yang turut dihadiri parti itu, Pas, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) mengadakan satu lagi mesyuarat.

Ditanya sama ada Pas bersetuju jika Majlis Tertinggi (MT) Umno menetapkan pertemuan hanya membabitkan pemimpin tertinggi, Fadzil berkata, Umno mengemukakan dua format iaitu antara Presiden dan juga membabitkan perwakilan.

“Kedua-dua cadangan itu datangnya daripada Umno. Jadi kita pilih format kedua iaitu Presiden disertai oleh delegasi masing-masing. Jadi keputusan kita itu juga perlu dihormati,” katanya.

Di Jitra, Abdullah berkata Umno tetap meneruskan hasratnya untuk bertemu serta berbincang mengenai perpaduan dan penyatuan Melayu dengan Pas walaupun tanpa penyertaan Keadilan.

Timbalan Presiden Umno itu berkata, keputusan Keadilan menolak undangan menyertai perbincangan itu tidak menjejaskan usaha menyatupadukan orang Melayu.

Beliau menyifatkan keputusan negatif Keadilan itu menggambarkan perpaduan dan penyatuan Melayu tidak penting bagi parti berkenaan.

“Ia tidak akan menjejaskan usaha yang sedang kita jalankan. Jika

Komponen BN tidak perlu bimbang

DARI MUKA 1

perkara mengenai penyatuan Melayu tidak penting bagi mereka, biarkan mereka.

“Saya tidak mahu berkata apa-apa. Bagi Umno, perpaduan Melayu kekal sebagai keutamaan. Mereka tahu Keadilan bukan parti orang Melayu... ahlinya tidak seperti Pas dan Umno,” katanya kepada pemberita selepas pengisytiharan varieti padi MR219 di Sekolah Kebangsaan Telok Malek, di sini hari ini.

Sementara itu, Abdullah, ketika berucap pada sambutan Aidilfitri bersama pemimpin Barisan Nasional (BN) Kedah di Alor Star, memberi jaminan kepada parti komponen BN supaya tidak bimbang dengan pertemuan itu kerana penyatuan Melayu tidak pernah dieksploitasi untuk menentang kaum lain.

Beliau berkata, pengguguran tujuh tuntutan oleh Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina (Suqiu) dan kesanggupan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menanggukkan perhimpunan Melayu membuktikan semua pihak di negara ini mengutamakan perpaduan kaum, sekali gus kehidupan aman dan harmoni.

**Pemimpin Umno bidas
keputusan Keadilan**

– Muka 4

**Pembangkang utamakan
kepentingan politik**

– Muka 4

LIHAT MUKA 2